



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan,
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,
75450 Melaka

Tel: 06-2895000
Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207
Laman Web:
<http://portalpp.anm.gov.my/melaka>



Ruj. Kami : ANM(IT)MEL/07 JLD.2(39)
Tarikh : 2 Julai 2020
Bersamaan : 10 Zulkaedah 1441H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Y. Bhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**MAKLUMAN PENGAKTIFAN PROGRAM *HOUSEKEEPING* ID PENGGUNA TIDAK
AKTIF SECARA *AUTO* DI SISTEM iGFMS**

Adalah saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa BPTM, JANM Ibu Pejabat telah mengaktifkan **program *housekeeping* ID pengguna yang tidak aktif** secara *pilot* di beberapa Pejabat Perakaunan dan Bahagian Akaun Kementerian termasuklah di JANM Negeri Melaka.

3. Program ini diwujudkan bagi memastikan hanya pengguna yang aktif dan sah sahaja menggunakan sistem. Ini disebabkan setiap ID pengguna iGFMS menggunakan lesen perisian yang berbayar.

4. Sehubungan itu, pengguna yang terlibat akan menerima emel notifikasi ID pengguna dikunci/dihapuskan bagi beberapa sistem yang ada dalam iGFMS seperti berikut :-

- 4.1 PSACLNT400 : SOLMAN Service Desk
- 4.2 HCPCLNT400 : SAP HCP/HCM (Gaji)
- 4.3 ECPCLNT400 : Portal iGFMS

Program ini dijalankan secara *auto* dan tindakan mengunci ID/hapus ID pengguna adalah berdasarkan kategori ID pengguna seperti berikut :-

- i. **60 hari** – Pengguna yang tidak pernah login dan masih dalam initial password akan diberikan emel peringatan
- ii. **90 hari** – Pengguna yang tidak pernah login dan masih dalam initial password dan ID telah dihapuskan secara automatik
- iii. **120 hari** – Pengguna yang telah tukar kata laluan dan tidak login selama 120 hari berturut-turut diberi emel peringatan
- iv. **150 hari** - Pengguna yang telah tukar kata laluan dan tidak login selama 150 hari berturut-turut dan ID telah dikunci secara automatik
- v. **180 hari** - Pengguna yang telah tukar kata laluan dan tidak login selama 180 hari berturut-turut dan ID telah dihapuskan secara automatik

5. Pengguna yang menerima emel notifikasi tersebut dan masih memerlukan sistem-sistem yang berkaitan perlulah mewujudkan insiden melalui Solman bagi permohonan untuk mengaktifkan semula ID dengan mengemukakan BORANG KEW.290E-01 yang lengkap seperti biasa. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada *Local Administrator (LA) iGFMS* berikut :-


1.	Pn. Rafidah binti Mohd Said	06-2895052 fidah@anm.gov.my
2.	Pn. Mardiana binti Abu Hassan	06-2895053 mardiana.abuhassan@anm.gov.my
3.	En. Mohamed Alazheem bin Abdul Rahman	06-2895055 azheem.mlk@anm.gov.my

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,



(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M))

Pengarah,

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka.

D:\Users\fidah\Documents\LA - LOCAL ADMINISTRATOR...\Surat - Makluman Housekeeping 2020.doc

s.k Fail Timbul